

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober/November 1996**

**BST 421/3 - Ekologi Sumber Alam**

**Masa : [3 jam]**

---

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.**

---

1. Tulis nota tentang **DUA** daripada tajuk-tajuk yang berikut:

- a) Pengitaran semula bahan-bahan sisa pepejal
- b) Pensekuesteran karbon dan perhutanan
- c) Etika Ketermampanan sumber-sumber alamiah

(20 Markah)

2. "Sumber minyak di dalam dunia kita hanya mencukupi untuk masa lebih kurang 65 tahun sahaja". Bincangkan secara kritis implikasi kenyataan ini dengan mengambil kira (a) gaya hidup kita pada hari ini dan (b) strategi yang kita harus rancang untuk menghadapi krisis kekurangan sumber tenaga pada masa hadapan.

(20 Markah)

3. Pengurusan secara termampan sesuatu sumber alamiah merupakan satu keperluan yang amat penting sekiranya kita ingin terus menggunakan sumber alamiah itu. Jelaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada **SAMADA** (a) ekosistem terumbu karang **ATAU** (b) ekosistem hutan tropika.

(20 Markah)

4. Larangan-larangan ke atas perdagangan minyak (oil embargoes) yang telah berlaku di dalam tahun-tahun tujuh-puluhan dan Peperangan Teluk Parsi dalam tahun 1991 telah menggesa para penyokong penggunaan tenaga nuklear di negara-negara membangun untuk mendapatkan sokongan orang ramai serta kerajaan negara-negara yang berkenaan supaya menggunakan tenaga nuklear demi untuk mengurangkan pergantungan ke atas impot minyak dari negara asing. Mereka menegaskan bahawa tenaga nuklear mempunyai kelebihan kerana ia tidak menyumbang kepada masalah pemanasan sejagat ("global warming"). Adakah pemikiran ini sah? Nyatakan pandangan anda dengan memberikan alasan-alasan yang sewajarnya.

(20 Markah)

.../3-

(BST 421/3)

5. Bincangkan kepentingan tanah sebagai sumber unsur-unsur galian dan bagaimakah penggunaan galian boleh dikekalkan.

(20 Markah)

6. Dengan menggunakan contoh-contoh tertentu,uraikan jenis-jenis pencemaran air dan bagaimana ia mempengaruhi persekitaran air.

(20 Markah)

-0000000-